



“  
Penugasan  
panjang seperti  
ini memerlukan  
kekuatan mental  
dan fizikal  
Muhammad Hadrie



“  
Sebagai staf  
elektrikal, saya  
bertanggungjawab  
menjaga peralatan  
di kapal  
Logindaran

# Misi **11,000km** 132 warga KD Lekir

*Berlayar tiga bulan untuk sertai eksesais RIMPAC di Hawaii*

## Kuala Lumpur

**B**elayar sejauh lebih 11,000 kilometer untuk mengharumkan nama negara. Itu misi khas dilakukan 132 warga kapal KD Lekir Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang kini dalam perjalanan menuju ke Hawaii, Amerika Syarikat.

Semua mereka bakal menyertai latihan maritim terbesar di dunia iaitu ekksesais *Rim of the Pacific* (RIMPAC) di Hawaii, Amerika Syarikat membabitkan pelayaran lebih tiga bulan.

Laskar Kelas II PRL Muhammad Hadrie Asrolsani dan Laskar Kelas I TLS Logindaran Parasuraman adalah antara warga TLDM termuda di KD Lekir yang menyertai misi khas itu.

Muhammad Hadrie, 23, yang berkhidmat sebagai Pembantu Juragan di KD Lekir sejak April lalu me-



**KAPAL TLDM akan melaksanakan latihan penembakan misil.**

nyifatkan penyertaannya dalam misi itu pengalaman amat berharga.

Dia teruja apabila KD Lekir dipilih sebagai wakil TLDM ke ekksesais RIMPAC 2022 tahun ini.

“Ini peluang keemasan saya melihat dan mengenali aset ketenteraan negara lain yang turut serta pada ekksesais maritim terbesar dunia itu.

“Penugasan panjang

seperti ini memerlukan kekuatan mental dan fizikal kerana terpaksa berjauhan dengan keluarga bagi tempoh lama,” katanya.

Sementara itu Logindaran turut melahirkan kegembiraan apabila kali pertama berlayar ke luar negara sebagai warga TLDM.

Juruteknik elektrik berusia 23 tahun itu mula bertugas di KD Lekir sejak 13 Disember tahun lalu.

Menurutnya, Pe-

nyertaan KD Lekir di RIMPAC 2022 akan menyaksikan kapal TLDM melaksanakan latihan penembakan misil dan dia antara kru yang menjaga peralatan berkaitan.

“Sebagai staf elektrik, saya bertanggungjawab menjaga peralatan di kapal supaya berada dalam keadaan baik,” katanya.

Dengan perjalanan ke Hawaii berbaki seminggu lagi, kedua-dua pelayar muda ini sudah menyesuaikan diri dengan keadaan kapal KD Lekir dan bersedia memulakan latihan bersejarah berkenaan.



**KD Lekir dalam perjalanan menyertai RIMPAC di Hawaii, AS.**